



KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN TERENGGANU

STAR DREAM INFORMATIVE DIDAPATI BERSALAH KERANA GAGAL
MENGADAKAN SISTEM KERJA SELAMAT

Kuala Terengganu, 27 Jun – Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu mendapati Star Dream Informative telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Sepasukan pegawai dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Terengganu yang diketuai oleh Pegawai Penyiasat Nur Syuhada Binti Husin telah melakukan penyiasatan satu kes kemalangan maut di Ajil, Terengganu.

Hasil siasatan mendapati syarikat Star Dream Informative telah gagal untuk memastikan kewajipannya, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja bagi pekerjaanya iaitu Azman bin Aziz dengan gagal mengadakan sistem kerja selamat bagi kerja-kerja mengikat dan membuka rantai besi pada lori balak yang mengakibatkan kematian keatasnya.

Star Dream Informative telah didakwa di bawah Seksyen 15(1) Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu dan kes pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Negeri Terengganu, Mohd Syazwan Bin Ismail dan dibantu oleh Ir. Zuraidi Hanafi Bin Hanafi.

Star Dream Informative mengaku bersalah dan mahkamah menjatuhkan hukuman denda maksimum RM8,000 atau 2 bulan penjara.

Tamat.

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Pengarah JKKP Terengganu